



Kepuasan seorang wanita

» **Farah Aini** berhempas-pulas bahagikan masa, tanggungjawab untuk kecapi kejayaan diimpikan

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

Melaksanakan pelbagai tanggungjawab serentak dalam satu masa memang cukup membebani dan memenatkan buat wanita berusia 32 tahun ini.

Berjauhan dengan suami, menguruskan ibu yang sakit di hospital, memberi perhatian terhadap dua anak serta tanggungjawabnya sebagai isteri adalah cabaran terbesar buat Dr Farah Aini Dahalan dalam usaha menggapai keazaman di puncak pencapaian tertinggi bidang akademik.

Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Begitu juga prinsip wanita muda kelahiran Petaling Jaya, Selangor ini apabila cekal dan tabah mengharungi segala cabaran mahupun tanggungjawab mendatang demi merealisasikan impianinya sejak kecil itu.

Sokongan insan tersayang
Nyata, pengorbanan menuntut ilmu sekali gus terpaksa berjauhan dengan suami dan keluarga lebih dua tahun berbaloi kerana sentiasa langkahnya diiringi sokongan tidak berbelah bagi daripada insan kesayangannya malah, membawaikan hasil membanggakan.

Berkat ketekunan dan kegigihannya dalam bidang akademik menyaksikan beliau dikurniakan anugerah berprestij, Anugerah Emas Tesis Doktor Falsafah (Phd) Terbaik daripada Kementerian Tenaga, Teknologi

Hijau dan Air, Mac lalu.

Pengiktirafan diberikan hasil kajian bermutu tesis bertajuk - Pembangunan dan Pencirian Enap cemar butiran aerobik Phototrophic (Development and Characterization of Phototrophic Aerobic Granular Sludge) membabitkan pengurusan dan teknologi alam sekitar, terutamanya rawatan air dan air sisa, strategi pelestarian sumber dan ekologi industri itu satu peluang besar buat pensyarah muda ini.

Menurutnya, biar dihimpit kekangan masa, insan cerdas ini sentiasa fokus memperjuangkan sesuatu hal dilakukannya malah, cekal meraih kepuasan dan kehendak diri dalam menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Penawar dan racun
“Bayangkan, bukan sedikit pengorbanan mencapai kejayaan hari ini. Sebagai anak tunggal, sayalah penawar dan racun bagi ibu bapa. Dengan sikap ringkas, ceria dan aktif, beban menghadapi saat getir ketika sarat mengandung anak kedua (awal 2010) kerana dikejutkan berita emak dimasukkan ke hospital akibat kanser pangkal rahim dihadapi tenang.

“Terpaksa membahagikan masa untuk berulang-alik memandu kerana suami aktif bekerja dari kampus di Johor dan Hospital Kuala Lumpur setiap minggu banyak memupuk sifat sabar dan mematangkan diri.


“Kerana kasihankannya, saya rela mengulang kaji pelajaran di ‘jalanan’ demi berada di sampingnya selalu. Malah, begitu juga masa sebaik mungkin cuba diperuntukkan

pencapaian

◎ **Merangkul Anugerah Emas Doktor Falsafah**
Terbaik dan Anugerah Tesis Sumber Air dan Hidrologi, UNESCO-Malaysia International Programme (UNESCO-IHP, Malaysia) disampaikan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui, sempena pelancaran Dasar Sumber Air Negara (DSAN) dan Hari Air Sedunia 2012, Mac lalu.

◎ **Physicochemical Study for Granular Sludge Formation in Rubber Industrial Wastewater (emas)** Pameran Inovasi Kejuruteraan Antarabangsa (i-ENVEX 2012), April 2012 di Kangar, Perlis

◎ **Development of Granular Sludge for Rubber Industrial Wastewater (emas)** dan Bio-Electrochemical Waste Electrical and Electronic Equipment (WEEE) Treatment Using Three Dimensional (3D) Palm Shell Based Activated Carbon Reactor (emas), di Ekspo dan Pameran Penyelidikan REKA-CIPTA 2011, UniMAP. Perlis.



PROFIL

◎ **Lahir:** 30 Januari 1980 di Petaling Jaya, Selangor

◎ **Motivasi:** Fokus dalam apa jua bidang dan tidak sesekali bergantung pada orang lain. Tidak mencampuradukkan antara sesuatu hal dengan hal lain seperti pelajaran dan kehidupan berumah tangga.

◎ **Mahir dalam beberapa bahasa** termasuk Mandarin dan menggunakan dwi-bahasa seperti bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin sebagai bahasa pengantar harian.

◎ **Pendidikan awal di Subang Jaya**, diikuti Sekolah Tengku Ampuan Durah, Seremban; Kolej Country Height, Kajang (Kursus Pengurusan Hotel); Universiti Putra Malaysia (matrik); UPM (Ijazah Muda dan Sarjana); dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (Master)

bersama suami dan anak-anak," katanya mesra memulakan perbualan ditemani ahli keluarganya di lokasi pusat beli-belah The Curve, Damansara, baru-baru ini.

Pada masa sama, isteri kepada pemain bola sepak pasukan Johor FC, Mohd Syaiful Sabtu, 31 ini juga perlu mengejar slot bersama mentor bagi pemantau perkembangan tesis doktor falsafahnya.

Tak suka duduk diam

Tidak tidur hingga tiga hari adalah perkara biasa buat wanita berdarah campuran Melayu-Cina ini memandangkan perlu berjumpa mentor seawal jam 7 pagi, mengikuti kelas dan menyiapkan tesis antara jam 8 pagi hingga 5 petang, meluangkan masa bersama keluarga dan anak-anak dari jam 5 petang sehingga 11 malam.

Seterusnya, hingga Subuh keesokannya adalah masa untuk Farah mengulang kaji pelajaran dan mencari bahan tesis.

"Saya tidak suka duduk diam, bertangguh, berdikari dan mementingkan pelajaran menyebabkan saya tidak suka ambil mudah dalam semua hal. Walaupun menyiapkan tesis daripada awal secara berdikit-dikit namun, saya puas apabila dapat fokus dan menghasilkan kerja sempurna," katanya yang mengagumi kegigihan mentornya, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Dr Ir Zaini Ujang.

Katanya, Prof Dr Ir Zaini adalah individu bertanggungjawab menyerlahkan bakatnya dalam bidang akademik dan berperanan memantau idea serta projek tesis dijalankan sepanjang empat tahun pengajiannya.

Tokoh Maal Hijrah 2011

Mengimbas detik mendekati Naib Canselor merangkap penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 2011, Negeri Sembilan, beliau mencuba nasib menawarkan diri sebagai mentee melalui e-mel.

Ternyata, kesungguhan-nya menarik minat Jurutera Profesional Alam Sekitar ini untuk membimbing beliau dalam penghususan alam sekitar dan pada masa sama, menjalankan kerjasama dengan Institut Pengurusan Alam Sekitar (IPASA).

Berhempas pulas menyiapkan tesis hasil idea sendiri dibantu mentornya, pelbagai persidangan dan membentangkan kertas kerja pada peringkat antarabangsa dihadiri sebagai pendedahan meneliti masalah alam sekitar di lokasi luar Malaysia seperti di Jepun, Taiwan, dan Australia membuktikan kejayaan ibu kepada Syarah El Zahraa, 4 dan Syarah El Rania, 2.

“

KERANA
KASIHANKAN
'EMAK, SAYA
RELA ULANGKAJI
PELAJARAN
DI 'JALANAN'
DEMI BERADA
DI SAMPINGNYA
SELALU. SEBAIK
MUNGKIN CUBA
DIPERUNTUK-
KAN BERSAMA
SUAMI DAN
ANAK-ANAK”

Farah Aini Dahalan

“

KAMI AJAR DIA
BERKOMUNIKASI
DAN BERDEPAN
DENGAN ORANG
RAMAI SECARA
MENGURUSKAN
PEMBELIAN
TIKET SAJA,
DAN MEMBIAR-
KANNYA MELA-
KUKAN URUSAN-
NYA SENDIRI”


Norlina Hew

Abdullah, Ibu

Jangan kedekut demi anak



Institusi **keluarga campuran** yang harmoni.



Ciuman kasih sayang seorang anak.



Bersama idola, Prof Datuk Ir Zaini Ujang.

Bersama keluarga ketika majlis konvokesyen penganugerahan doktor falsafah,

Ibu Farah, Norlina Hew Abdullah, 58 percaya prinsip tidak kedekut dan lokek memperuntukkan wang membantu proses kecerlangan anak tunggalnya itu. Pelbagai kelas kemahiran seperti kelas muzik, berenung dan mempertahankan diri dibekalkan sebagai kemahiran nilai tambah.

Begitu juga pesannya buat ibu bapa di luar sana supaya tidak kedekut memperuntukkan wang untuk tujuan pembelajaran kemahiran anak-anak bagi mengelakkan anak mencari hiburan luar, terbabit masalah sosial, mudah merasa bosan dan kurang daya saing.

Ujarnya, kemahiran sedemikian berupaya membina saduran emosi dan personaliti kanak-kanak seimbang sekali gus mendidik mereka menjalani kehidupan mendatang secara positif, berdikari dan tenang.

Dekati macam kawan

Malah, katanya kesediaan ibu bapa mendekati anak seperti kawan, mengajarnya berdikari, bertanyakan masalah dihadapi mereka, sesekali membuat 'spotcheck' dan tidak terlampau memanjakan anak-anak dengan kemewahan semata-mata mampu membina mental dan fizikal anak secara sihat.

Contoh saduran asuhan diterapkan Dahalan dan Norlina sendiri membuatkan hasil apabila Farah mampu menguruskan diri, berdikari dan pandai menguruskan diri sendiri dan memasak sendiri makanannya seperti nasi goreng seawal usia enam tahun.

Malah, Farah diajar tidak takut berdepan dengan masyarakat dengan menaiki kapal terbang sendirian

ketika usianya baru empat tahun untuk ke sesuatu lokasi mudah seperti pulang ke kampung halaman di Alor Star, Kedah.

"Kami ajar dia berkomunikasi dan berdepan dengan orang ramai secara menguruskan pembelian tiket saja, dan membiarkannya melakukan urusannya sendiri. Dia perlu cari sendiri lokasi penerbangan, kapal terbang mana dan pintu pelepasan mana akan dilalui. Sejak awal, tidak pernah ada masalah sebaliknya, dia sentiasa lakukan dengan cemerlang sehingga selamat sampai ke destinasi dituju."

Diajar bersyukur

"Ketika usianya tiga tahun, dia dididik menghargai barang, bersikap jimat cermat, bersyukur dan tidak meminta-minta. Malah, dia sering dibawa bergaul dengan individu dewasa supaya berfikiran matang dan rasional serta tidak memandang rendah pada individu lain. + Lokasi kesukaannya, rumah anak yatim Tengku Budriah, Batu 4, Jalan Cheras," kata bapanya, Dahalan Embun, 73 yang juga bekas Senator dan Ahli Parlimen Kuala Lumpur sekitar 1990.

Sementara itu, suami kepada pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ini, Mohd Syaiful Sabtu pula menzahirkan kekaguman dan bangga dikurniakan isteri berjaya, penyabar, memahami, rajin belajar dan cekal bertanggungjawab.

Jelasnya, biarpun dihimpit kekangan masa masing-masing sehingga hanya duduk bersama selepas dua tahun berkahwin, dia gembira dengan perjalanan hidup dikecapi bersama wanita keliahan ibu kota itu.

